

"Bacalah dengan (menyebut) nama TuhanMU yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan TuhanMU-lah yang Maha Pemurah, yang Mengajar (manusia) dengan perantaraan Kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya." -(sura Al-Alaq. ayat 1-5)

كلمة و كمله 2013

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)

Tel: 09-549 2642, Faks: 09-549 2644

Kelas Bimbingan Tasawwur Islam

Selasa (Minggu 2 & 4)
5.00 petang - 6.00 petang di UMP Pekan
Ustaz Hazrat Dibek Al-Hafiz

Kelas Pengajian Al-Quran & Iqra

Setiap Isnin & Selasa
Waktu Pejabat di UMP Pekan
Ustaz Muhammad Hamzah Abdul Hamid Al-Hafiz
Ustaz Shahril Nizam Mohd Ali Al-Hafiz

Klinik Al-Quran

Setiap Jumaat
3.30 petang - 4.30 petang di UMP Gambang
Ustaz Md Akhlaq Subok Al-Hafiz

Khidmat Nasihat Perubatan Islam

Hari Rabu
UMP Gambang
Dr. Mahyuddin Ismail

Kuliah Tafaqquh

Selasa (Minggu 2 & 4)
Selepas Solat Asar
Ustaz Muhammad Hamzah Al-Hafiz

Kelas Pengajian Al-Quran

Waktu Pejabat
UMP Gambang
Ustaz Anwar Osman Al-Hafiz
Ustaz Usaidi Husein Al-Hafiz

Tazkirah Zohor

Setiap Hari
1.30 petang - 2.00 petang di Masjid
UMP Pekan & Masjid UMP Gambang

Kuliah Maghrib

Setiap Hari
7.30 malam - 8.30 malam di Masjid
UMP Pekan & Masjid UMP Gambang

Bacaan Surah Yassin & Tahlil

Malam Jumaat
7.30 malam di Masjid UMP Pekan
& Masjid UMP Gambang

Untuk info terkini sila lawati portal rasmi
pimpin.ump.edu.my


چمپين

Membangun Insan Memacu Kecemerlangan

PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN



ISSN 2180-3331



9 772180 333001

Seminar
Ilmu Falak
Dan Ibadah



Kursus
Pengendalian
Jenazah



Sambutan
Maulidur
Rasul 1434H

Program & Aktiviti



Universiti Malaysia Pahang, 19 Februari 2013 – Kursus Solat Bestari telah terlaksana dengan jayanya hasil permintaan yang memberangsangkan oleh warga UMP khasnya dalam memberi pendedahan dan penerokaan ilmu pengetahuan berkaitan fiqh solat. Kursus yang dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Bahagian Latihan & Kompetensi (BLPK).

Dengan hasrat ingin melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang budaya kerja, kursus ini diharapkan dapat memberi impak yang tinggi dalam pembikinan tenaga kerja UMP yang kukuh sahsiah serta membina hubungan yang akrab dengan Pencipta menerusi pemantapan ibadah sejajar dengan nilai teras UMP yang pertama iaitu 'hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta'. Modul sukatan kursus ini dibahagikan kepada 3 slot iaitu Penghayatan Solat, Asas Solat dan Solat Jamak dan Qasar.

Kursus yang dihadiri seramai 50 orang peserta ini dibarisi oleh tiga orang pembentang bagi mengisi setiap slot kursus. Pembentang undangan adalah Ustaz Mohamad Hazmi Bin Dibok selaku pembentang pertama yang juga merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan di UMP, Ustaz Md. Abdu Sahak yang merupakan Pegawai Hal Ehwal Islam, UMP serta Ustaz Dr. Mansor Sulaiman selaku **Pensyarah** Universiti Malaysia Pahang. Barisan penceramah ini berpengalaman luas dalam fiqh ibadah pengkhususan solat selari dengan matlamat kursus untuk mendalami ilmu berkaitan solat dengan lebih mapan. Sejalan matlamat itulah kursus ini dilaksanakan dengan jayanya. Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab yang berkisar segala permasalahan berkaitan fiqh ibadah khususnya ibadah solat.



Seminar Ilmu Falak dan Ibadah

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur

Universiti Malaysia Pahang, 8 Julai 2013 – Seminar Ilmu Falak & Ibadah telah terlaksana dengan jayanya dengan melibatkan penyertaan yang memberangsangkan oleh warga UMP khasnya dalam memberi pendedahan dan penerokaan ilmu pengetahuan berkaitan ilmu astronomi berteraskan Islam. Seminar yang dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Kelab Astronomi UMP dan Jabatan Mufti Negeri Pahang ini merupakan salah satu daripada program yang dirancang sebagai pendedahan awal kepada warga UMP dan kawasan sekitarnya.

Seminar ini diadakan bagi merealisasikan nilai teras UMP yang pertama iaitu 'hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta', program seumpama ini dilaksanakan. Konsep seminar ini adalah menjurus kepada pembentangan oleh pakar berkaitan ilmu falak dan astronomi. Melalui seminar ini, peserta didedahkan dengan pendidikan astronomi, kalendar hijri, takwim qamari, buruj dan segala ilmu berkaitan astronomi.

Seminar yang dihadiri seramai 108 orang peserta ini telah disampaikan oleh pembentang yang berkualiti iaitu Profesor Madya Dr. Baharrudin Zainal dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) selain turut dihadiri Prof. Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Bin Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Akademin & Antarabangsa) UMP serta Mufti Negeri Pahang. Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab yang berkisar segala permasalahan berkaitan penyelidikan sains angkasa dan ilmu falak.



Together We Unite Camp

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur



Pantai Pasir Lanun, Mersing, Johor. 6-8 April 2013 – *TOGETHER WE UNITE* telah terlaksana dengan jayanya hasil permintaan yang memberangsangkan oleh warga UMP khususnya dalam memberi pendedahan dan penerokaan ilmu pengetahuan nilai-nilai murni sebagai seorang Muslim. Program ini telah dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Program ini telah melibatkan seramai 114 orang peserta dan ahli jawatankuasa induk. *TOGETHER WE UNITE* adalah program yang dijalankan bagi memantapkan peribadi muslim dikalangan mahasiswa-mahasiswi UMP. Program ini menekankan nilai-nilai yang perlu ada pada seorang muslim sejati. Ini adalah kerana banyaknya gejala-gejala sosial yang berlaku dikalangan remaja sejak akhir-akhir ini. Nilai-nilai Islam yang mantap perlu diterapkan lagi di peringkat mahasiswa, khususnya mahasiswa Universiti Malaysia Pahang untuk memastikan mereka menjadi mahasiswa yang bersedia dan kental dalam menghadapi cabaran-cabaran yang boleh merosakkan diri dan akhlak mereka. Mahasiswa yang beragama Islam perlulah berketrampilan dan mempunyai identiti Islam kuat dan mantap.

Pelbagai aktiviti luar seperti berkayak, Menjejak laluan dalam hutan pada waktu malam, iktiar hidup dengan mengenali tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan serta memasak roti dan telur menggunakan teknik memasak menggunakan kayu api. Aktiviti kerohanian seperti solat berjemaah menjadi teras sepanjang tempoh kem ini dijalankan.

Program berakhir dengan perasmian majlis penutup yang telah disempurnakan oleh Ustaz Mohamad Hazmi Dibok selaku Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan yang mewakili Pengarah PIMPIN.



Reviving Soul's Camp



Program & Aktiviti

Reviving Soul's Camp

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur

Hutan Lipur Lata Jarum, Raub, Pahang. 10-12 November 2012 – *REVIVING SOUL'S CAMP* telah terlaksana dengan jayanya hasil permintaan yang memberangsangkan oleh warga UMP khususnya dalam memberi pendedahan dan penerokaan ilmu pengetahuan nilai-nilai murni sebagai seorang Muslim. Program yang dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) ini merupakan satu daripada program yang termasuk dalam taqvim PIMPIN 2012.

Program ini telah melibatkan seramai 99 orang peserta dan ahli jawatankuasa induk. *REVIVING SOUL'S CAMP* adalah program yang dijalankan bagi memantapkan peribadi Muslim di kalangan mahasiswa-mahasiswi UMP. Program ini menekankan nilai-nilai yang perlu ada pada seorang muslim sejati. Ini adalah kerana banyaknya gejala-gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja sejak akhir-akhir ini.

Nilai-nilai Islam yang mantap perlu diterapkan lagi di peringkat mahasiswa, khususnya mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk memastikan mereka menjadi mahasiswa yang bersedia dan kental dalam menghadapi cabaran-cabaran yang boleh merosakkan diri dan akhlak mereka. Mahasiswa yang beragama Islam perlulah berketrampilan dan mempunyai identiti Islam kuat dan mantap.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi taklimat keselamatan, sesi suai kenal, 'night walk', 'jungle fraking', 'explorace', 'master chef' dan pelbagai lagi aktiviti santai bersifat aktiviti luar kelas yang semestinya mengundang ketenangan dan keseronokan kepada peserta setelah penat belajar. Majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Ustaz Md. Abdu Bin Sahak selaku Pegawai Hal Ehwal Islam yang mewakili Pengarah PIMPIN.



Program & Aktiviti Mahasiswa UMP Kuasai Bacaan Al-Quran Berasناد



Kuantan, 17 Mei - Seramai sembilan orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengikuti Program Ijazah Sanad Al-Quran di Kaherah Mesir anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama IQBA Training and Consultancy baru-baru ini berjaya mempelajari dan menguasai sanad Al-Quran dari masyaikh Timur Tengah yang berwibawa. Menurut PIMPIN, Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad, program ini diadakan bagi mendapatkan ijazah sanad Al-Quran dengan bacaan Al-Quran secara bertalaqqi. Sepanjang dua minggu program, ruang masa mereka dipenuhi dengan Kelas Pembacaan Al-Quran dan Kelas Pengajian Tajwid di Darasah Kaherah.

Program ini mampu memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang sejarah Islam, cara bacaan bertajwid serta sebutan makhrj huruf yang betul yang dipraktikkan sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga kini," katanya dalam majlis meraiakan mahasiswa yang berjaya dianugerahkan Ijazah Sanad Al-Quran baru-baru ini di Dewan Bankuet UMP. Katanya, bagi mendapatkan ijazah sanad ini bukanlah mudah kerana peserta diuji dengan kemahiran membaca Al-Quran dan kebolehan menguasai makhrj. Mereka juga harus menguasai sekurang-kurangnya 50% ilmu tajwid dan tiada kesalahan berat dalam bacaan yang disampaikan.

Semasa di Kaherah mahasiswa diajar oleh Syeikh Asyraf Hamid Hasanaini Al Azhari Al Misri dan Syeikh Abdul Aziz Al Baighawi Al Bajuri Al Azhari Al Indonisi bagi kelas pembacaan Al-Quran. Manakala, tenaga pengajar bagi kelas pengajian tajwid ialah Al Fadhil Ustaz Hakim Azizan. Smu Al-Quran. Pihaknya turut berhasrat untuk menjemput tenaga pengajar di Mesir bagi melaksanakan program ini di UMP agar lebih ramai mahasiswa berpeluang menyertai program ini. Dalam majlis ini Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyampaikan ijazah sanad kepada semua peserta. Beliau melahirkan rasa bangga dengan penyerahan pelajar dalam menguasai bacaan Al-Quran dalam jangka masa yang pendek selain mengharapkan agar dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran.

Seramai kira-kira 60 orang hadir mendengar bacaan Al-Quran yang disampaikan mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Muhammad Faisal Razali dan Nashih Sakinah Zulkifli Auni dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA).



Dua minggu di Kaherah

Oleh Mimi Kabita Abdul Wahit
mimikabita@ump.edu.my
+ Gambar

Sembilan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Ijazah Sanad Al-Quran selepas dua minggu mempeributi bacaan Al-Quran secara bertalaqqi dengan tenaga pengajar di Kaherah, Mesir.

Peluang menguasai sanad Al-Quran daripada Masyaikh Timur Tengah itu merentasi Program Usah Sanad Al-Quran anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan dengan kerjasama IQBA Training and Consultancy.

Pengarah pusat itu, Profesor Madya Dr Hasan Ahmad berkata, program ini diadakan bagi menyempurnakan pelaksanaan pengajaran Al-Quran secara bertalaqqi yang di-



Prof Dr Daing Nasir dan Prof Hasan bersama sembilan peserta Program Ijazah Sanad Al-Quran yang berjaya menguasai pengajian sanad Al-Quran di Kaherah, Mesir, baru-baru ini.

FAKTA NOMBOR

30 pelajar dibayar ke Kaherah, Mesir

Itu di UMP di sini, baru-baru ini. Beliau berkata, program akan di-

berhenti, pihaknya juga berhasrat menjemput tenaga pengajar Mesir datang ke negara ini bagi melaksanakan program itu untuk manfaat lebih ramai pelajar.

Keratan Akhbar



Muhammad Fakhru Razi Rai

Impian Muhd Fakhru Razi Rai tercapai

Muhammad Fakhru Razi Rai, 24, telah mendapat ijazah sanad Al-Quran di Mesir selepas dua minggu mempeributi bacaan Al-Quran secara bertalaqqi dengan tenaga pengajar di Kaherah, Mesir. Beliau adalah mahasiswa UMP yang berjaya menguasai pengajian sanad Al-Quran di Kaherah, Mesir.

Program ini mampu memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang sejarah Islam, cara bacaan bertajwid serta sebutan makhrj huruf yang betul yang dipraktikkan sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga kini," katanya dalam majlis meraiakan mahasiswa yang berjaya dianugerahkan Ijazah Sanad Al-Quran baru-baru ini di Dewan Bankuet UMP. Katanya, bagi mendapatkan ijazah sanad ini bukanlah mudah kerana peserta diuji dengan kemahiran membaca Al-Quran dan kebolehan menguasai makhrj. Mereka juga harus menguasai sekurang-kurangnya 50% ilmu tajwid dan tiada kesalahan berat dalam bacaan yang disampaikan.

Semasa di Kaherah mahasiswa diajar oleh Syeikh Asyraf Hamid Hasanaini Al Azhari Al Misri dan Syeikh Abdul Aziz Al Baighawi Al Bajuri Al Azhari Al Indonisi bagi kelas pembacaan Al-Quran. Manakala, tenaga pengajar bagi kelas pengajian tajwid ialah Al Fadhil Ustaz Hakim Azizan. Smu Al-Quran. Pihaknya turut berhasrat untuk menjemput tenaga pengajar di Mesir bagi melaksanakan program ini di UMP agar lebih ramai mahasiswa berpeluang menyertai program ini. Dalam majlis ini Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menyampaikan ijazah sanad kepada semua peserta. Beliau melahirkan rasa bangga dengan penyerahan pelajar dalam menguasai bacaan Al-Quran dalam jangka masa yang pendek selain mengharapkan agar dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran.

Seramai kira-kira 60 orang hadir mendengar bacaan Al-Quran yang disampaikan mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Muhammad Faisal Razali dan Nashih Sakinah Zulkifli Auni dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA).



UMP adakan perarakan sambutan Maulidur Rasul

KUANTAN 29 Jan. - Seramai 700 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan perarakan sambutan Maulidur Rasul perayaan universiti itu yang berlangsung di kampus Garbang di sini semalam.

Program itu bertujuan memakmurkan Rasulullah SAW yang dianugerahkan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UMP.

Sebanyak 27 kontingen mewakili jabatan dan fakulti dibawahi Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim itu berbaris di Kompleks Sukan UMP dan berakhir sejauh dua kilometer menuju ke masjid universiti kampus berkenaan.

Beberapa aktiviti turut diadakan seperti persembahan, tawakul daripada Kumpulan Barwah, Masjid Ensemble dan dua solat.

Daing Nasir ketika berucap dalam program itu berkata, sambutan Maulidur Rasul perlu disertai dengan kesedaran tidak mengikut sunnah Rasulullah SAW dalam setiap langkah kehidupan dan bukan sekadar upacara serata-rata.

"Stelah hakikat perlu diteliti warga UMP supaya pelaksanaan Perarakan Maulidur Rasul perlu disertai dengan insiatif serta komitmen yang digerakkan secara kolektif dan bertanggungjawab.

"Dengan semangat sunatullah, saya berharap semua warga universiti sentiasa beramal dengan UMP bersepadu keutamaan yang telah digariskan," katanya.

SERAMAI 700 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan perarakan sambutan Maulidur Rasul di Garbang, Kuantan.

Kursus Pengendalian Jenazah

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur




Universiti Malaysia Pahang, 18 April 2013 – Mempelajari kaedah pengendalian jenazah merupakan fardu kifayah bagi seorang muslim. Justeru, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK) telah mengadakan Kursus Pengendalian Jenazah 2013. Ianya diadakan bertempat di dua lokasi iaitu Dewan Tun Teja dan Masjid UMP Kampus Gambang. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja UMP hadir bagi menyertai kursus ini. Kursus ini dikendalikan oleh seorang penceramah yang berpengalaman luas dalam pengurusan jenazah iaitu En. Syed Abdullah sebagai Pembantu Perubatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang. Kursus ini telah diadakan dengan jayanya bermula pada jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Pada sesi pertama penerangan mengenai adab menziarahi orang sakit dan lindakan yang perlu dilakukan sekiranya kesakitan bertambah berat serta apabila berlaku kematian yang dipelajari secara teori. Pada sesi kedua pula, sesi praktikal pengurusan jenazah tentang cara-cara memandikan dan mengkafan mayat, solat jenazah dan mengubunkan jenazah.

Kursus ini diakhiri dengan sesi soal jawab yang dikendalikan oleh penceramah berkaitan pengurusan jenazah dan kaedah terbaik. Secara keseluruhannya, kursus ini telah mencapai objektifnya iaitu bagi memberi pengetahuan dan pengalaman tentang kaedah pengendalian jenazah serta memberi kesedaran dan keinsafan kepada manusia bahawa dunia ini hanyalah pinjaman dan ilmu pengurusan jenazah wajar dipelajari oleh setiap Muslim.

*Firman Allah yang bermaksud:
‘Setiap yang bernyawa pasti akan merasai mati dan tidak ada yang hidup abadi,
hanya Allahlah yang kekal selama-lamanya’
-Surah Al-Imran, ayat 185.*



Program & Aktiviti

SEMINAR TASAWWUR ISLAM 3i (Islam, Iman & Ihsan)

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur



Universiti Malaysia Pahang, 13 Mac 2013 – Seminar 3i telah berjaya dilaksanakan di Dewan Tun Teja, UMP Kampus Gambang yang dihadiri 54 orang staf UMP yang terdiri dari PTJ di kampus Gambang dan Pekan.

Pembentangan 1 yang membahaskan tajuk "Ihsan" telah disampaikan oleh Ustaz Haji Zuridan Mohd Daud yang merupakan Pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemusiaan Universiti Malaysia Pahang.

Manakala slot ke-2 telah disampaikan oleh Ustaz Nor Hamizi Jamaluddin Penolong Pengarah Dakwah dari Jabatan Agama Islam Pahang menyampaikan ceramah yang bertajuk "Iman". Setelah selesai sesi pembentangan 1 dan 2, semua peserta telah diberikan jamuan makan tengahari dan majlis berhenti rehat seketika untuk memberi laluan solat Zohor berjemaah di masjid UMP Kampus Gambang.

Sesi pembentangan ke-3 diteruskan pada jam 2.30 petang yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Zaki Mohd Zin yang merupakan Kadi Daerah Kuantan, Pahang dengan ceramah yang bertajuk "Islam". Semua peserta telah mendapat input yang tepat berkaitan apakah itu Islam, Iman dan Ihsan bertepatan dengan objektif dan juga matlamat kursus ini dijalankan.

Majlis ini diakhiri dengan sesi soal jawab dari kalangan peserta program serta penyampaian cenderahati kenang-kenangan dari PIMPIN kepada para penceramah yang sudi meluangkan masa berkongsi ilmu kepada warga UMP.



CARA PENGHAYATAN ISLAM, IMAN & IHSAN

- Menyumbang dan beribadah kepada Allah.
- Menyelusur keusutan alah tidak tertakut.
- Mengunjungi Hadiah Fardha Aja dan umat masyarakat.
- Hubungan baik dengan keluarga, juaa & masyarakat.
- Melakukan perkara-perkara yang baik.
- Amalkan sifat-sifat Islamiyyah.
- Beribadah atas nikmat Allah S.W.T.

SAINS BUKTIKAN SEMBELIHAN ISLAM KAEDAH TERBAIK



ibadah korban yang dilaksanakan oleh umat Islam dipersoalkan oleh sebahagian orang bukan Islam sebagai perbuatan kejam dan ganas terhadap haiwan. Pihak aktivis hak asal haiwan menganggap perbuatan menyembelih haiwan yang dilakukan umat Islam mempamerkan sikap tidak berperikemanusiaan kerana banyak darah tertumpah ke bumi terutama ketika amalan korban pada Aidiladha. Malahan undang-undang di Barat memperuntukkan bahawa haiwan yang hendak dibunuh akan dikenakan kejutan elektrik di kepala sehingga penganan, dengan anggapan bahawa haiwan itu tidak akan merasai kesakitan ketika ia dibunuh.

Pendirian Islam mengenai apa yang boleh dimakan dan apa yang diharamkan adalah jelas terutama membabitkan daging. Dalam Surah al-Maidah ayat 5, Allah menyatakan: "Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan mati dipukul, dan mati jatuh, dan mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelih, dan yang disembelih atas nama berhala." Justeru, Islam telah menelapkan beberapa etika yang perlu dipatuhi ketika menyembelih binatang. Dalam aspek ini, Nabi Muhammad SAW berpesan supaya sentiasa belas kashan terhadap haiwan dengan memastikan pisau yang digunakan benar-benar tajam bagi mengurangkan rasa sakit. Proses menyembelih ini juga perlu dilakukan dengan pantas bagi memutuskan salur darah ke saraf otak kerana saraf ini yang menghantar mesej kesakitan kepada otak. Dengan itu, haiwan tidak akan berasa sakit ketika disembelih. Pergerakan dan kekejangan yang berlaku selepas haiwan itu disembelih, bukan akibat kesakitan tetapi akibat denyutan diikuti keadaan tenang.

Kaedah penyembelihan cara Islam ini telah dikaji oleh Profesor Wilhelm Schulze dan Dr Hazim dari Sekolah Perubatan Veterinar, Universiti Hannover, Jerman melalui penyelidikan mereka bertajuk 'Attempts to Objectify Pain and Consciousness in Conventional (captive bolt pistol stunning) and Ritual (halal knife) Methods of Slaughtering Sheep and Calves' pada tahun 1974-1978 menyimpulkan kaedah membunuh haiwan melalui disembelih adalah cara terbaik dan lebih berperikemanusiaan. Mereka juga menyimpulkan bahawa amalan mengenakan kejutan elektrik ke atas haiwan sebelum dibunuh mendatangkan kesakitan yang amat sangat pada haiwan.

Dalam kajian itu, beberapa alat penganan dipasang di pelbagai tempat pada otak haiwan. Alat itu dimasukkan menerusi pembedahan khas dan haiwan terbiat dibiarkan untuk pulih selama beberapa minggu. Beberapa ekor haiwan itu disembelih mengikut kaedah Islam menggunakan lindakan pantas, memotong urat leher dengan pisau tajam. Beberapa ekor haiwan lain dibunuh mengikut kaedah barat menggunakan Pistol Kejutan (CBP). Ketika ujian dijalankan, rekod electroencephalograph (EEG) dan electrocardiogram (ECG) dicatatkan bagi mengetahui keadaan otak dan jantung semua haiwan terbiat ketika proses penyembelihan dan kaedah CBP.



Kajian terbaru juga menunjukkan kaedah memalukan haiwan yang digunakan di Barat turut dikatakan menjadi punca kepada penularan wabak penyakit lembu gila daripada haiwan kepada manusia. Kajian ini didedahkan menerusi kajian yang dijalankan oleh Universiti Texas A & M dan Agensi Pemeriksaan Makanan Kanada. Ia menyatakan, kaedah kejutan pneumatik (iaitu menembak bola besi ke otak lembu diikuti dengan mengenakan tekanan udara tinggi) menyebabkan kerosakan tisu otak serta saraf tunjang haiwan itu. Laporan ini amat mengesahkan kerana tisu otak dan saraf tunjang adalah bahagian yang paling terjejas teruk kerana dijangkiti penyakit lembu gila dan apabila ia hancur akibat kaedah berkenaan, bakteria serta protein penyakit lembu gila akan merebak ke daging. Dengan penemuan ini, seharusnya umat Islam bersyukur kerana dikurniakan satu agama yang amat mengambil berat tentang nilai-nilai kash sayang kepada haiwan selain memberi kaedah terbaik untuk kita menikmati daging yang bersih lagi suci.



Penghargaan & Terima Kasih

Mantan Pengarah PIMPIN
Prof. Madya Dr. Hasan Bin Ahmad
(Jun 2009 - Jun 2013)



Pelantikan Pengarah
PIMPIN Baharu
(JUN 2013 - JUN 2015)
Dr. Mahyuddin Bin Ismail
DS51

Selamat Datang



Pelantikan
Timbalan Pengarah
(Pentadbiran) PIMPIN
(Ogos 2013 - Ogos 2015)
En. Nazri Bin Samsudin
N41



Salam Perpisahan

(Ogos 2012 - Julai 2013)
Ustazah Nor Suhaiza Bt. Zainudin
Pegawai Hal Ehwal Islam S41

Bertukar Kerjaya Sebagai Guru
di Sek. Men. Keb. Agama
Kota Kinabalu, Sabah

Staf Bercuti

Ustaz Mohamad Hazmi Bin Dibok
Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan S44

*Cuti bermula Mei 2013 - Disember
2013 kerana anak sakit leukimia,
sedang mendapatkan rawatan
berkala di Hospital Kuala Lumpur.



Himpunan Gambar-Gambar Program & Aktiviti PIMPIN



Y. Ling Dato, N.C. bersama-sama jemah Masjid Beribka Rusa dan Muzium dan Solar Di Masjid UMP Gambang.



Y. Ling Dato, N.C. Mesyuarat Moad Wang yang di Selai PIMPIN Semasa Sumbuh Hari Raya Aidilfitri Pengkat Ulu.



Prof. Dato/ a. Gadhri Hayam menyempakan Cenderasat di Masjid Prof. Achya Di, Bahau (Seri) (UMEA).



Tv PIMPIN Rancangan Secara Langsung Dengan Program Taklimat Al-Quran Dan Isytihar sepanjang Ramadhan.



Peserta Revolving SQA's Camp persembahkan Merit dan Buah Daun bersekolah baru Di Jabatan Di Rusa, Pahang.



PIMPIN turut menyerta pertandingan bersepadu Hal bersekolah 50-50 yang bersekolah bangunan Sultan Abdul Rozak.



Pelajar SQA Menggahikan daging korban UMP1. Digah-ghikan kepada Mesyuarat Yang Laks dan Jabatan Sekitar Kampus UMP.



Pengarah PIMPIN Menyempakan Cenderasat kepada Prof. Mado Di, Bahau dan Johor. Dalam Seminar Ite Hala Dan Bahau.



Pada Peserta Berpeluang Madaikan Anad Dalam Kruva Anak Bersekolah.



Isytihar Korban Sabon Tahun Dilaksanakan Dengan Jajanya yang Diwarta Oleh Staf UMP.



PIMPIN juga menyerta Pertandingan Reka Grafik Banner Merdeka 1957.



Staf PIMPIN Dan Chef Kanan Menyediakan Bubur Kasang Pada Setiap Hari Jumaat.

Program & Aktiviti



Seminar Perubatan Islam

Oleh: Ustaz Mohamad Hasnur

Universiti Malaysia Pahang, 29 Mei 2013 - Seminar Perubatan Islam telah berjaya di laksanakan di Dewan Kuliah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP Kampus Pekan yang dihadiri 77 orang peserta yang terdiri daripada kalangan pelajar dan Staf UMP dari kampus Gambang dan Pekan.

Kursus ini dilaksanakan hasil permintaan yang memberangsangkan oleh warga UMP khasnya dalam memberi pendedahan dan penerokaan ilmu pengetahuan berkaitan perubatan alternatif. Kursus yang dianjurkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Bahagian Latihan & Kompetensi (BLPK) ini merupakan satu daripada program yang termasuk dalam takwim PIMPIN 2013.

Dengan hasrat ingin melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang budaya kerja, kursus ini diharapkan dapat memberi pendedahan jelas berkaitan perubatan Islam dan informasi berkaitan ilmu sihir dan makhluk halus. Modul sukatan kursus ini dibahagikan kepada dua slot iaitu Pengenalan Makhluk Halus dan Kaedah Rawatan serta Praktikal dan Simulasi.

Kursus ini dikendalikan oleh Dr. Mahyuddin Ismail adalah merupakan seorang yang pakar dengan ilmu perubatan Islam bagi mengisi setiap slot kursus. Selaku Pensyarah UMP, beliau merasakan perlunya pendidikan perubatan alternatif ini di sebar luas kepada masyarakat amnya dan warga UMP khususnya bertujuan memberi input berguna sebagai persediaan menghadapi pelbagai kemungkinan. Sejalan matlamat itulah kursus ini dilaksanakan dengan jayanya. Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab yang berkisar segala permasalahan berkaitan perubatan Islam.

AKIBAT BERSIFAT SOMBONG

Oleh: Ustaz Amidi Osman

Namrudz merupakan seorang raja yang hidup pada zaman Nabi Ibrahim. Saat itu Nabi Ibrahim datang dan mengatakan: "Sesungguhnya Allah adalah Tuhanmu. Tuhan yang boleh menghidupkan dan mematikan".

Namrudz berkata: "saya juga boleh menghidupkan dan mematikan". Kemudian Namrudz memanggil dua orang, salah satu orang dia bunuh dan satu lagi dia biarkan, kemudian dia dengan sombong mengatakan bahawa dia boleh mematikan dan menghidupkan. Maka, Allah memasukkan seekor nyamuk ke lubang hidungnya, kemudian nyamuk tersebut masuk kedalam otaknya, yang kemudian Namrudz merasa tidak nyaman sehingga dia memukul kepalanya.

Seolah-olah Allah berkata suit itu: "Wahai Namrudz, jika kamu benar boleh mematikan dan boleh menghidupkan, maka cuba matikan nyamuk yang ada dalam otakmu. Maka setiap kali Namrudz berasa sakit dengan nyamuk yang ada di dalam otaknya, dia akan meminta dipukul kepalanya. Akhirnya Namrudz menghadapi kematian dengan cara itu sebagai sebuah balasan yang sesuai.

Lagi satu kisah adalah tentang kesombongan Qarun yang disebutkan Allah pada surah Al-Qashash ayat 76. Ia menyebut bahawa sebenarnya Qarun pada awalnya adalah umat Musa yang taat. Tapi ketika Allah menggerakkan harta yang berlimpah, Qarun menjadi seorang yang takbur dan sombong.

Qarun menjadi orang yang melampaui batas dan tidak mentaati ajaran yang disampaikan oleh Musa.

Bayangkan bahawa pada ayat tadi disebutkan seandainya sejumlah orang yang kuat mengangkat kunci-kunci gudang yang dimiliki Qarun, mereka akan merasa keberatan yang menunjukkan betapa sangat kaya raya Qarun.

Sebagai balasan, Allah menenggelamkan Qarun dan seluruh hartanya, dan hingga saat ini kita mengenal harta yang terpendam didalam bumi sebagai harta karun. Orang yang sombong dengan hartanya akan dibinasakan dengan hartanya juga.

"Dan janganlah kamu memetingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri."
(Surah Luqman: ayat 18)



Program & Aktiviti Kursus Pra Perkahwinan Islam

Oleh: Cik Norhaida Ahmad Zabidi



Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) UMP dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan (PAID) telah menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan Islam pada 23-24 Februari 2013, bertempat di Blok WDKU-01 UMP. Program ini dianjurkan bagi menambahkan lagi pengetahuan am dan asas, meliputi aspek keagamaan dan kerohanian mengenai peranan mereka dalam mengemudi sesebuah institusi keluarga. Secara tidak langsung, ini dapat mengelakkan gejala-gejala sosial yang semakin hari semakin membimbangkan semua pihak.

Objektif program ini adalah membantu pihak (PAID) menjalankan Kursus Pra Perkahwinan Islam berdasarkan modul yang telah disediakan secara bersepadu. Disamping itu juga, ia dapat memberi pendedahan secara khusus berhubung konsep perkahwinan sebagaimana digariskan oleh syarak kepada peserta dalam setiap aspek seperti tanggungjawab dalam perhubungan antara suami isteri, pendidikan anak-anak, hubungan kekeluargaan serta masyarakat setempat.

Seramai 121 orang peserta yang terdiri daripada pelajar UMP telah menyertai kursus ini. Antara slot yang terdapat dalam kursus ini ialah Slot Akidah, Slot Ibadah, Slot Akhlak, Slot Munakahat, Slot Komunikasi, Slot Kesihatan, Slot Pengurusan Keluarga, Slot Pengurusan Stress dan Slot Prosedur Penceraian/Talak/Fasakh.

Oleh: Ustaz Amidi Osman

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

(Menurut Imam As-Syafie)

Sudut Agama

Solat seseorang boleh terbatal dengan salah satu daripada perkara-perkara berikut:

- 1- Terbatal toharah dengan kedatangan hadas semasa bersembahyang, sama ada hadas besar atau kecil, sekalipun tanpa sengaja.
- 2- Terkena najis yang tidak dimaafkan pada badan atau pakaian atau tempat solat kecuali segera dibuangkan.
- 3- Sengaja bercakap walau hanya dengan dua huruf atau satu huruf yang memberikan kefahaman.
- 4- Melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa seperti makan atau minum.
- 5- Perbuatan (bukan solat) yang banyak dan berturutan seperti menghayunkan tangan tiga kali, melangkah tiga langkah, melompat dan sebagainya. Perbuatan kecil yang berturutan tidaklah membatalkan solat, seperti menggaru gatal dengan satu anak jari sahaja.
- 6- Ketawa.
- 7- Riddah
- 8- Hilang akal
- 9- Meninggalkan menghadap kiblat, seperti berpusing atau berpaling dada dalam solat.
- 10- Terbuka aurat dengan sengaja. Kalauah ditutup oleh angin, lalu terbuka auratnya dan ditutup dengan segera, tidaklah batal solatnya.
- 11- Meneruskan satu rukun daripada rukun-rukun solat atau berlalu masa yang membolehkan dia melakukan satu rukun solat, sedangkan dia dalam keadaan syak tentang niatnya (adakah berniat atau tidak), atau tentang syarat sah solat (adakah sudah berwuduk atau belum) atau tentang kaifiat niat (seperti adakah sembahyang zuhur yang aku niatkan atau asar).
- 12- Menukar niat solat kepada solat yang lain. Tetapi jika dia menukarkan niat solat fardu kepada sunat mutlak untuk solat fardu secara berjemaah, sedangkan dia solat bersendirian, maka ia tidaklah membatalkan solat, bahkan ia disunatkan. Tetapi jika solat fardu yang dia sedang bersolat hanya tinggal satu rakaat sahaja lagi, maka ia tidak disunatkan menukar niat kepada sunat mutlak, cuma ia diharuskan sahaja.
- 13- Niat atau azam untuk memutuskan solat.
- 14- Ragu-ragu sama ada ingin meneruskan solat atau tidak.
- 15- Mengikat untuk memutuskan solat dengan sesuatu, seperti kalau telefon berdering, aku akan batalkan solat dan menjawab telefon.
- 16- Meninggalkan dengan sengaja mana-mana rukun solat, sekalipun rukun qauli, kerana ia menghilangkan peraturan solat. Tetapi kalau ditinggalkan dengan terlupe, tidaklah batal, bahkan hendaklah dilakukannya.
- 17- Mengulangi dengan sengaja mana-mana rukun fi'li (rukun perbuatan).
- 18- Mendahulukan dengan sengaja satu rukun fi'li (perbuatan) di atas rukun fi'li yang lain, kerana ia menghilangkan tertib solat.
- 19- Mengikuti imam orang yang tidak boleh menjadi imam seperti si kafir atau lelaki mengikuti perempuan.
- 20- Terlalu memanjangkan rukun pendek, seperti memanjangkan iktidal melebihi kadar bacaan surah al-Fatihah, atau memanjangkan duduk antara dua sujud melebihi kadar bacaan tasyahhud (tahiyat).
- 21- Makmum mendahului imam dengan dua rukun fi'li (perbuatan).
- 22- Makmum terlewat dua rukun fi'li (perbuatan) daripada imam tanpa keuzuran.
- 23- Sengaja memberi salam bukan pada tempatnya.
- 24- Sengaja turun untuk duduk tahiyat awal setelah tertinggal (terlupe) dan sudahpun qiam untuk rakaat ketiga.
- 25- Mengulangi takbiratul ihram untuk kali kedua dengan niat memulakan solat.

Ini adalah penerangan secara ringkas tentang perkara-perkara yang boleh membatalkan solat, yang mana sepatutnya bagi seseorang yang ingin menjadi imam wajib mempelajari dan mengetahuinya.



Mutiara Hati: 1000 mancis tidak dapat menerangi kamu di dalam kegelapan buat selama lamanya, tetapi hanya cahaya keimanan dapat membawa kamu ke jalan kesenangan di dunia dan akhirat.